



**GARIS PANDUAN PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**

PINDAH PERUNTUKAN

**TARIKH KEMASKINI:
01 JANUARI 2026**

KANDUNGAN

1.	PENDAHULUAN	2
2.	HAD KUASA MELULUS	2
3.	PERATURAN BAGI PINDAH PERUNTUKAN	2 - 3
4.	TEMPOH PINDAH PERUNTUKAN	3 - 4
5.	TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL	4
6.	AM	4

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan adalah untuk menjelaskan pemberian kuasa oleh Pejabat Kewangan Negeri kepada semua Pegawai Pengawal untuk meluluskan Pindah Peruntukan bagi perbelanjaan yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

2. HAD KUASA MELULUS

2.1 Had kuasa bagi Pindah Peruntukan ditetapkan seperti berikut:

JUMLAH	KUASA MELULUS	TINDAKAN
RM100,000 dan ke bawah	Pegawai Pengawal	Jabatan
RM100,001 hingga RM1,000,000	Pegawai Kewangan Negeri	Pejabat Kewangan Negeri
Melebihi RM1,000,000	Menteri Besar	Pejabat Kewangan Negeri

3. PERATURAN BAGI PINDAH PERUNTUKAN

3.1 Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk membuat Pindah Peruntukan perbelanjaan bagi perkara-perkara berikut:

3.1.1 Di Antara Objek Am Di Dalam Aktiviti Yang Sama

Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk memindah peruntukan perbelanjaan dari satu Objek Am ke satu Objek Am yang lain di dalam aktiviti yang sama.

3.1.2 Di Antara Aktiviti Di Dalam Program Yang Sama

Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk memindah peruntukan perbelanjaan dari satu Aktiviti ke satu Aktiviti yang lain di dalam Program yang sama.

3.1.3 Di Antara Program

Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk memindah peruntukan perbelanjaan dari satu Program ke satu Program yang lain.

3.2 Jabatan **tidak dibenarkan** untuk membuat Pindah Peruntukan Perbelanjaan bagi perkara berikut:

3.2.1 Objek Am 10000

Jabatan tidak dibenarkan membuat Pindah Peruntukan daripada Objek Am 10000 kepada Objek Am lain kecuali mendapat kelulusan Pejabat Kewangan Negeri bagi memastikan peruntukan emolumen tahunan tidak terjejas.

3.2.2 Dasar Baru Atau *One-Off*

Jabatan tidak dibenarkan membuat Pindah Peruntukan yang melibatkan Dasar Baru atau *One-Off* kecuali mendapat kelulusan Pejabat Kewangan Negeri terlebih dahulu.

4. TEMPOH PINDAH PERUNTUKAN

4.1 Proses Pindah Peruntukan dibenarkan mulai **1 Ogos** hingga **31 Disember** pada setiap tahun.

- 4.2 Permohonan Pindah Peruntukan sebelum tarikh yang ditetapkan melibatkan keperluan mendesak atau luar jangka perlu dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri untuk pertimbangan.

5. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 5.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengawasi perbelanjaan di bawah kawalannya agar **tidak berlaku kekerapan Pindah Peruntukan** serta memastikan perbelanjaan tidak melebihi jumlah peruntukan yang telah diluluskan dalam anggaran tersebut.
- 5.2 Bagi peruntukan Vot Pembangunan pula, Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan Pindah Peruntukan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). UPEN akan mengemukakan permohonan yang telah diperaku untuk pertimbangan Pejabat Kewangan Negeri.

6. AM

- 6.1 Sebarang **permohonan pengecualian** bagi mana-mana perkara dalam Pekeliling ini hendaklah dikemukakan berserta justifikasi kukuh kepada Pejabat Kewangan Negeri untuk pertimbangan.
- 6.2 Pejabat Kewangan Negeri mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan proses pindah peruntukan melibatkan pelbagai peruntukan di semua Jabatan.
- 6.3 Garis Panduan ini berkuat kuasa serta-merta dan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri terdahulu berkaitan perkara ini adalah **terbatal**.

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN.**